

AMALAN GURU BESAR MENGURUS PERSEKITARAN DAN KEMUDAHAN FIZIKAL UNTUK PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI: SATU KAJIAN KES

***Siti Norfatin Abdullah**

Bity Salwana Alias

Mohd Norazmi Nordin

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*p134038@siswa.ukm.edu.my

ABSTRACT

The lack of systematic leadership support in managing conducive physical environments for students with special educational needs (SEN) has hindered the effective implementation of quality teaching in inclusive programs such as the Special Education Integration Program (SEIP). This study aims to explore the practices of headteachers in managing the school environment and physical facilities in primary schools with SEIP classes. Using a qualitative case study approach, five headteachers from different zones in Besut district, Terengganu, were interviewed through semi-structured protocols. Data were analysed manually through thematic analysis. Based on the interview findings, the subthemes identified regarding how headteachers manage the school environment and physical facilities are planning, collaboration, and monitoring. Financial constraints and limited teaching resources for inclusive students emerged as major challenges. Additionally, the study identified three essential leadership elements required for effective facility management: the ability to communicate ideas clearly, competence in sourcing relevant information, and critical thinking skills. The study recommends that the Ministry of Education Malaysia develop specific guidelines and provide targeted training to enhance the leadership capacity of headteachers in managing schools that serve students with special needs.

Keywords: *Special educational needs, inclusive education, headmaster leadership, physical facilities management, primary school environment.*

LATAR BELAKANG KAJIAN

Pengurusan persekitaran dan kemudahan merupakan tanggungjawab utama pemimpin organisasi yang melibatkan perancangan, penyelenggaraan dan penyesuaian bangunan serta infrastruktur bagi mewujudkan persekitaran kondusif yang menyokong pencapaian matlamat organisasi (Atkin & Brooks, 2000; Barrett, 2004; Becker, 1990). Dalam konteks pendidikan, pengurusan ini menjadi elemen penting kerana pemimpin sekolah perlu memastikan persekitaran bilik darjah dan kemudahan fizikal, termasuk bahan bantu mengajar, dapat menyokong keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Justeru, bagi memastikan pengurusan dan pemeliharaan persekitaran bilik darjah dilaksanakan secara optimum, tanggungjawab guru besar sebagai pengurus sekolah amat signifikan. Sehubungan itu, aspek pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal telah digariskan sebagai salah satu domain utama dalam Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM). Domain ini merangkumi kompetensi serta tanggungjawab yang perlu dikuasai oleh guru besar dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pengurus persekitaran dan kemudahan fizikal sekolah secara kompeten dan berkesan, dengan matlamat

mewujudkan iklim sekolah yang selamat, tenang, selesa dan menyeronokkan. Persekitaran sedemikian diyakini dapat menyokong kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Persekitaran yang kondusif memainkan peranan yang signifikan khususnya di sekolah yang mempunyai Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). PPKI merupakan suatu inisiatif pendidikan khas yang dirangka khusus untuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) yang mengikuti sesi pembelajaran dalam kelas khas secara bersama-sama di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan (Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi, 2015). MBPK memerlukan persekitaran pembelajaran yang menyokong keperluan mereka, termasuk ruang yang tidak membataskan pergerakan serta kemudahan yang bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka. Sehubungan itu, bagi menjamin persekitaran yang mesra Orang Kurang Upaya (OKU), beberapa peruntukan perundangan telah digubal. Antaranya termasuklah Kod Amalan Untuk Kemudahan Akses Bagi Pengguna Kurang Upaya Di Dalam Bangunan Awam (2002) yang menetapkan garis panduan berkaitan penyediaan kemudahan dan akses yang inklusif untuk golongan kelainan upaya.

Selaras dengan perkembangan perundangan berkaitan pendidikan inklusif, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengiktiraf keperluan untuk mewujudkan persekitaran dan kemudahan yang mesra kepada (MBPK) sebagai satu keutamaan dasar. Inisiatif penyediaan kemudahan pendidikan untuk MBPK telah dirangkumkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025, yang memperincikan perancangan strategik KPM untuk meningkatkan usaha menaik taraf sekolah sedia ada agar memenuhi keperluan asas pendidikan khas. Usaha ini turut seiring dengan komitmen Malaysia terhadap Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (SDG), khususnya SDG 4, yang memfokuskan kepentingan menyediakan akses kepada pendidikan berkualiti secara menyeluruh, saksama dan inklusif serta memperkukuh peluang pendidikan sepanjang umur untuk semua golongan. Matlamat tersebut juga menegaskan kepentingan membangunkan dan menaik taraf kemudahan pendidikan yang responsif terhadap keperluan kanak-kanak, individu berkeperluan khas, serta sensitif terhadap aspek jantina, di samping memastikan persekitaran pembelajaran yang selamat, bebas daripada keganasan, inklusif dan berkesan.

Namun kajian-kajian lepas mendapati, kekurangan sokongan pemimpin dari segi penyediaan persekitaran fizikal yang mesra untuk MBK menyebabkan guru tidak dapat melaksanakan pengajaran yang berkualiti. Kajian Siti Muhibah dan Zetty (2018) mendapati sokongan pihak pentadbiran terhadap kelas pendidikan khas adalah kurang terutamanya dari segi pengurusan peruntukan kewangan untuk kemudahan pengajaran di kelas PPKI. Tinjauan literatur turut menunjukkan amalan pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal dalam kalangan guru besar masih rendah. Guru besar tidak tahu peranan dan amalan yang perlu dilaksanakan untuk mengurus persekitaran dan kemudahan fizikal sekolah. Kajian mendapati perancangan kemudahan dan infrastruktur sekolah tidak berdasarkan analisis keperluan, perolehan kemudahan tidak mengikut prosedur dan penggunaan serta pembelian peralatan kemudahan sekolah tidak berdasarkan arahan pemimpin tertinggi. Seterusnya pemimpin kurang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan kemudahan yang memerlukan penambahbaikan bagi melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran (Deresa & Senapathy, 2022; Herath et al., 2023).

Seterusnya, dapatan kajian lain juga menunjukkan persekitaran fizikal kelas PPKI masih belum memuaskan. Saiz kelas yang sempit, jumlah murid yang ramai, serta kemudahan asas yang hanya berada pada tahap sederhana menjadi kekangan utama. Selain itu, keterbatasan sumber, infrastruktur yang kurang kondusif, dan ruang pembelajaran yang padat turut menjejaskan keberkesanan pengajaran guru serta pengalaman pembelajaran murid berkeperluan khas. Keadaan persekitaran fizikal kelas PPKI juga masih tidak mematuhi standard reka bentuk bilik darjah terutamanya dari segi saiz kelas dan jumlah enrolmen murid di setiap kelas (Norsafiah Norazman et al., 2021). Selain itu, dari aspek kemudahan dalam persekitaran fizikal bilik darjah kelas PPKI masih berada pada tahap yang sederhana. Kemudahan

tersebut adalah meliputi papan maklumat yang berinformasi, bahan bantu mengajar, tempat penyimpanan bahan bantu mengajar, dan peralatan yang dilabelkan (Nur Rohazirah & Mohd Mokhtar, 2022; Norwahidah et al., 2019). Cabaran yang dihadapi guru dalam melaksanakan pengajaran adalah sumber yang terhad, jumlah MBPK yang ramai di dalam kelas yang padat, dan juga infrastruktur yang kurang menyokong pembelajaran. (Nurhibbah & Rosadah, 2022).

Walaupun KPM telah menggariskan hasrat yang tinggi dalam sistem pendidikan negara terutama untuk kelas PPKI, namun persekitaran dan kemudahan yang dikhaskan untuk MBPK di sekolah masih lagi dalam keadaan yang tidak kondusif dan mesra untuk MBK. Kekangan ini menyebabkan guru sukar untuk mewujudkan persekitaran yang dinamik dan mesra pembelajaran (Hannah et al., 2019). Dapatan kajian lepas mengakui kepentingan amalan guru besar dalam mengurus persekitaran dan kemudahan fizikal sekolah agar mesra terhadap murid berkeperluan khas, namun kekangan dari segi sumber yang tidak mencukupi, dan kekurangan peluang latihan khusus sering menghalang pengurusan kemudahan yang berkesan di sekolah yang mempunyai kelas pendidikan khas (Ozkan & Kilinc, 2021). Selain itu, kajian lepas yang memberi tumpuan kepada kemahiran guru besar mengurus sekolah mempunyai kelas pendidikan khas adalah terhad (Albion, 2021). Hal ini selari dengan dapatan kajian Shera Joufflin dan Yasin, (2022) yang mencadangkan kajian berkaitan persekitaran fizikal kelas PPKI diperluaskan dengan melibatkan pengurusan sekolah.

Oleh itu, kajian ini dilaksanakan atas kesedaran bahawa adalah penting untuk memberikan dapatan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia berkenaan amalan terkini yang dilaksanakan oleh guru besar untuk mengurus sekolah yang mempunyai kelas PPKI. Selain itu, dapatan kajian ini juga dapat memberi input tentang kekangan yang dihadapi oleh guru besar untuk menyediakan sekolah yang mesra kepada murid berkeperluan khas.

Oleh itu, bagi mencapai objektif kajian ini, beberapa persoalan kajian dibangunkan seperti berikut:

1. Bagaimanakah guru besar mengurus sekolah yang mempunyai kelas PPKI?
2. Apakah cabaran yang dihadapi guru besar untuk mengurus persekitaran dan kemudahan fizikal yang mesra untuk murid PPKI?
3. Apakah elemen amalan pengurusan yang diperlukan untuk guru besar mengurus persekitaran dan kemudahan fizikal sekolah yang mempunyai kelas PPKI?

SOROTAN LITERATUR

Pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal sekolah merupakan aspek penting dalam memastikan suasana pembelajaran yang selamat, selesa dan kondusif untuk semua warga sekolah (Derease & Senapathy 2022; Hasim et al., 2020). Pemimpin sekolah bertanggungjawab memastikan keselamatan bangunan, infrastruktur serta kemudahan seperti tanda keselamatan dan peralatan kecemasan berada dalam keadaan baik. Penekanan terhadap peningkatan kualiti pendidikan juga merangkumi aspek kemudahan dan infrastruktur, sama ada di negara maju mahupun membangun (Santika et al. 2021). Di Malaysia, pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal adalah bidang penting dalam Standard Kompetensi Kepengetuaan Malaysia (2006) yang menuntut guru besar mengurus bangunan, bilik khas, makmal, peralatan bantu mengajar, dan teknologi bagi menyokong pengajaran serta pembelajaran (Herwan & Aswandi 2018). Persekitaran yang baik bukan sahaja memperkukuh proses pembelajaran tetapi juga memastikan akses pendidikan inklusif kepada semua murid termasuk murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK).

Polisi tentang pendidikan khas telah dimuatkan di dalam Akta Pendidikan dan Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas (2013) serta Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025). Polisi ini menetapkan setiap murid wajib mendapat akses pendidikan bagi mencapai potensi diri termasuklah

murid kelainan upaya atau dikenali sebagai (MBPK). MBPK merupakan golongan murid yang mempunyai ciri-ciri kelainan upaya yang menyebabkan mereka memerlukan bantuan perkhidmatan pendidikan yang khusus. Menurut Peraturan-Peraturan Pendidikan Khas (2013), MBPK bermaksud murid yang disahkan oleh pengamal perubatan, ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau tidak, sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan penglihatan, ketidakupayaan pendengaran, ketidakupayaan pertuturan, ketidakupayaan fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi atau ketidakupayaan serta masalah yang telah dinyatakan di atas.

Oleh itu, PPKI telah diwujudkan sebagai satu usaha bagi memberi perkhidmatan pendidikan kepada MBPK mengikut keperluan keupayaan mereka. PPKI merupakan satu program pendidikan khas yang khusus untuk MBPK yang belajar di dalam kelas pendidikan khas secara integrasi di sekolah kerajaan atau di sekolah bantuan kerajaan (Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi 2015). Justeru itu, sesebuah sekolah yang mempunyai PPKI perlu memastikan keadaan persekitaran sekolah sesuai dan mesra untuk pembelajaran MBPK serta pengajaran guru pendidikan khas.

Dapatan kajian-kajian yang lepas menunjukkan banyak kepentingan amalan guru besar mengurus persekitaran dan kemudahan fizikal sekolah. Namun, pelbagai dapatan diperoleh berkaitan tahap amalan tersebut. Kepelbagaian tahap amalan pengurusan persekitaran dalam kalangan guru besar kebanyakannya berpunca daripada beberapa faktor iaitu kekurangan kemahiran mengurus kemudahan yang mesra untuk MBPK, kekurangan sumber kewangan serta kekurangan pengalaman mengurus sekolah yang mempunyai kelas pendidikan khas.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini akan dijalankan secara kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Menurut Merriam (2006), kajian kes adalah satu kajian empirikal bagi menyelidik sesuatu fenomena dalam konteks yang sebenar. Justeru, penggunaan reka bentuk kajian kes dalam penyelidikan ini akan membantu pengkaji memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai fenomena yang dikaji serta memberikan dapatan yang lebih autentik dan signifikan.

Peserta Kajian

Dalam kajian ini, peserta kajian adalah terdiri daripada lima orang guru besar di lima zon yang berbeza. Pemilihan peserta kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Pemilihan lima orang peserta kajian adalah bersesuaian dengan reka bentuk kajian kualitatif berasaskan kajian kes yang menekankan kedalaman data berbanding keluasan data. Menurut Merriam (2006), bilangan peserta dalam kajian kualitatif tidak perlu terlalu besar, sebaliknya mencukupi untuk memperoleh data yang kaya dan mendalam bagi menjawab persoalan kajian. Lima orang guru besar dipilih kerana jumlah ini dianggap memadai untuk mewakili variasi pengalaman daripada zon yang berbeza, di samping masih dapat dikendalikan secara efektif dari segi pengumpulan, pengurusan dan analisis data. Ciri-ciri guru besar yang dipilih sebagai peserta kajian adalah guru besar yang mempunyai pengalaman bertugas sekurang-kurangnya lima tahun di sekolah yang mempunyai kelas PPKI. Kriteria yang ditetapkan dalam pemilihan peserta kajian adalah sangat penting supaya individu yang dipilih mempunyai pengalaman dan kefahaman dalam isu yang dikaji serta boleh memberi maklum balas yang diperlukan oleh kajian dengan lebih tepat.

Lokasi Kajian

Kajian dilaksanakan di Daerah Besut, Terengganu yang melibatkan lima buah sekolah rendah kebangsaan yang mempunyai kelas PPKI di lima zon yang berbeza.

Instrumen Kajian

Bagi melaksanakan pengumpulan data melalui kaedah temu bual, instrumen yang akan digunakan adalah protokol temu bual separa berstruktur dan menjurus kepada keperluan kajian. Dalam kajian ini, satu set protokol temu bual akan dibangunkan berdasarkan sorotan literatur. Kandungan instrumen adalah berkenaan persoalan untuk meneroka amalan guru besar untuk mengurus sekolah yang mempunyai kelas PPKI agar mesra untuk keperluan MBPK. Merriam (2006), menyifatkan temu bual kualitatif lazimnya menjangkau perbincangan dengan peserta kajian dari yang bercorak umum hingga kepada yang mendalam dan yang kaya dengan pemikiran serta perasaan peserta kajian.

Analisis Data

Bagi menjawab tiga persoalan kajian yang telah ditetapkan, kaedah temu bual telah dilaksanakan. Dapatan temu bual akan ditranskripsikan semula secara verbatim berdasarkan rakaman yang dilakukan. Setelah penulisan transkripsi dilakukan, peserta kajian akan dimaklumkan berhubung keperluan untuk mereka membuat pengesahan atau pindaan ke atas transkripsi tersebut. Oleh itu, salinan transkripsi akan diserahkan semula kepada bagi tujuan semakan dan pengesahan. Transkripsi yang telah disahkan oleh peserta kajian akan dikelas dan dikodkan. Proses ini akan dilaksanakan secara manual berpandukan prosedur yang ditetapkan dalam perisian NVivo. Aktiviti pembacaan transkripsi dan pengecaman tema-tema utama akan dilakukan secara berulang bagi memastikan semua unit yang membawa makna atau yang secara jelas mewakili tema dan subtema yang dikenal pasti dapat dikategorikan dengan tepat. Unit-unit data yang tidak relevan atau tidak memberikan makna yang signifikan akan diketepikan. Hasil daripada proses ini akan digunakan untuk merumuskan dan menulis kesimpulan data bagi penyediaan laporan kajian.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menghuraikan dapatan yang dianalisis berdasarkan tiga persoalan kajian iaitu untuk meneroka bagaimanakah guru besar mengurus sekolah yang mempunyai PPKI, cabaran yang dihadapi dan elemen pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal yang diperlukan untuk mengurus sekolah agar memenuhi keperluan murid berkeperluan pendidikan khas.

Bagaimanakah Guru Besar Mengurus Persekitaran Dan Kemudahan Fizikal Sekolah Yang Mempunyai Kelas PPKI?

Dapatan kajian ini menunjukkan, guru besar tahu tentang kepentingan pengurusan persekitaran dan kemudahan yang khas untuk murid PPKI. Berdasarkan dapatan temu bual, subtema yang ditemui tentang bagaimana guru besar mengurus persekitaran dan kemudahan fizikal sekolah adalah merancang, berkolaborasi dan membuat pemantauan.

Membuat Perancang. Tema merancang yang diperoleh dalam kajian ini menggambarkan aspek kepimpinan guru besar dalam membuat perancangan berkaitan pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal sekolah, khususnya bagi kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Perancangan merupakan asas penting dalam proses pengurusan kerana ia menentukan hala tuju, keutamaan serta strategi yang akan dilaksanakan. Proses membuat perancangan dilaksanakan pada awal tahun persekolahan seperti yang diterangkan oleh peserta kajian 1:

Kalau untuk kemudahan yang murid PPKI perlukan, kami telah merancang sebelum mula sesi persekolahan (Peserta Kajian 1).

Guru besar yang ditemubual turut menerangkan tentang perancangan strategi yang dibuat bersama-sama guru pendidikan khas setiap awal tahun persekolahan:

Pertama sekali adalah merancang kerana kami memang perlu ada perancangan strategi (Peserta Kajian 3).

Seterusnya, guru besar juga menyatakan bahawa perancangan keperluan pembelajaran murid dan pengajaran guru dibuat bersama-sama:

Saya dan guru penolong kanan pendidikan khas akan merancang apa keperluan yang diperlukan oleh guru dan murid PPKI (Peserta Kajian 4).

Berkongsi Tugas. Dapatan temu bual mendapati, guru besar berkongsi tugas mengurus kelas PPKI bersama guru penolong kanan pendidikan khas. Selain itu, guru besar turut menyerahkan kepada guru penolong kanan pendidikan khas untuk mengurus persekitaran kelas PPKI dan pembelian kemudahan serta bahan pembelajaran murid PPKI.

Guru besar yang ditemu bual menjelaskan bahawa pengurusan kemudahan pembelajaran murid dan pengajaran guru diserahkan kepada guru penolong kanan pendidikan khas. Guru penolong kanan pendidikan khas akan membuat perolehan alatan atau bahan yang diperlukan berdasarkan keperluan murid dan guru:

Biasanya saya serahkan kepada guru penolong kanan pendidikan khas sahaja. Guru penolong kanan pendidikan khas tahu apa yang diperlukan oleh murid mereka (Peserta Kajian 2).

Kenyataan peserta kajian 2 turut diperoleh berdasarkan temu bual bersama peserta kajian 1 yang menyatakan bahawa pembelian barangan yang diperlukan oleh murid diserahkan kepada guru penolong kanan pendidikan khas namun dalam pengetahuan guru besar:

Sekolah saya ada guru penolong kanan pendidikan khas jadi merekalah yang akan berbincang dan memastikan persekitaran kelas ceria dan membuat pembelian barang yang mereka rasa perlu (Peserta Kajian 1).

Membuat Pemantauan. Analisis temu bual menunjukkan, guru besar turut membuat pemantauan di sekitar kelas pendidikan khas serta masuk ke kelas sekiranya mempunyai masa lapang. Tema membuat pemantauan yang muncul dalam kajian ini merujuk kepada peranan guru besar dalam memastikan persekitaran serta kemudahan fizikal sekolah, khususnya kelas PPKI, mencukupi dan selamat.

Guru besar menyatakan bahawa beliau akan ke kelas PPKI bagi memastikan sama ada kemudahan untuk murid mencukupi:

Ada jugalah saya singgah di kelas PPKI, tengok pelajar belajar. Saya tengok kemudahan cukup atau tidak (Peserta Kajian 4).

Peserta kajian 2 juga turut memberitahu bahawa beliau akan berjalan di sekeliling kelas PPKI bagi memastikan keselamatan kelas PPKI berada dalam keadaan baik.

Kadang-kadang saya berjalan keliling kelas PPKI untuk lihat sama ada persekitaran selamat atau tidak untuk murid PPKI (Peserta Kajian 2).

Apakah Cabaran Yang Dihadapi Guru Besar Untuk Mengurus Persekitaran Dan Kemudahan Fizikal Yang Mesra Untuk Murid PPKI?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran utama yang dihadapi oleh guru besar dalam mengurus persekitaran dan kemudahan fizikal sekolah, khususnya yang melibatkan kelas Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI), adalah dari segi peruntukan kewangan dan pengurusan murid inklusif.

Peruntukan Kewangan. Salah satu cabaran utama adalah menyediakan kelas yang luas mengikut standard untuk murid pendidikan khas. Setiap murid mempunyai keperluan yang unik, dan mereka perlu belajar tanpa membataskan pergerakan mereka. Keadaan kelas pendidikan khas terkini adalah sempit dengan kapasiti murid yang ramai. Namun, peruntukan kewangan serta prosedur yang perlu dipatuhi menyebabkan guru besar tidak dapat membuat perluasan bilik darjah agar sesuai dengan jumlah murid. Hal ini dijelaskan oleh peserta kajian 1 dan peserta kajian 4.

Kelas sempit, tetapi murid terpaksa jugalah gunakan kelas itu. Kita tidak dapat peruntukan untuk renovate kelas (Peserta Kajian 1).

Sekolah tak ada peruntukan untuk naik taraf kelas. Kalau nak buat penambahbaikan saiz kelas, sekolah terpaksa memohon peruntukan lain dengan JPN dan biasanya sukar jugalah nak dapat (Peserta Kajian 4).

Pelajar Inklusif. Pelajar inklusif merupakan pelajar pendidikan khas yang belajar bersama-sama dengan pelajar aliran perdana di dalam kelas yang sama dan menggunakan kurikulum yang sama. Pelajar inklusif diharapkan dapat belajar dengan lancar bersama pelajar perdana namun terdapat beberapa kekangan dari segi sumber kemudahan sokongan pembelajaran yang sesuai dengan mereka. Kekurangan sumber pengajaran seperti bahan bantu belajar yang sesuai menyebabkan kekangan untuk pelajar tersebut. Kekangan ini dapat diuraikan berdasarkan hasil temu bual bersama peserta kajian 3 dan juga peserta kajian 1:

Guru besar menjelaskan bahawa kekangan wujud apabila perlu memastikan murid pendidikan khas yang berada di kelas aliran perdana turut mendapat kemudahan yang sesuai dengan keperluan mereka:

Sekolah kami ada pelajar inklusif, jadi bahan pengajaran yang sesuai untuk mereka kurang (Peserta Kajian 3).

Tambahan lagi, menurut peserta kajian 1, kekurangan alatan yang sesuai di kelas aliran perdana menyebabkan murid pendidikan khas yang diinkluskikan tidak dapat menggunakan bahan sokongan pembelajaran yang sesuai dengan keupayaan mereka:

Biasanya pelajar inklusif ni kena jugalah guna bahan sokongan yang berbeza dengan pelajar perdana, tapi kadang kami tiada alat seperti bahan ICT di dalam kelas perdana (Peserta Kajian 1).

Apakah Elemen Amalan Pengurusan Yang Diperlukan Untuk Guru Besar Mengurus Persekitaran Dan Kemudahan Fizikal Sekolah Yang Mempunyai Kelas PPKI?

Antara elemen amalan pengurusan yang diperlukan oleh guru besar adalah kemahiran menyampaikan idea, kemahiran mencari maklumat dan kemahiran berfikir secara kritis. Ketiga-tiga elemen ini adalah bertujuan untuk memastikan guru besar dapat membuat perancangan dengan tepat bersesuaian dengan keperluan murid khas iaitu perlu pastikan sekolah mempunyai kantin, dewan dan akses yang memudahkan pergerakan murid tersebut. Guru besar perlu mahir dalam merancang terutamanya melibatkan pengurusan kewangan. Kemahiran menyampaikan idea pula merupakan satu amalan yang perlu dikuasai oleh guru besar untuk memastikan ahli jawatankuasa yang akan membantu mereka faham

matlamat dan bagaimana menyediakan persekitaran sekolah yang mesra untuk murid kelainan upaya. Dapatan temu bual adalah berdasarkan pernyataan peserta kajian seperti berikut.

Keupayaan Menyampaikan Idea. Menurut peserta kajian 5, guru besar perlu mempunyai kemahiran menyampaikan idea kepada guru-guru pendidikan khas berkaitan dengan peranan guru pendidikan khas sebagai ahli jawatankuasa aset sekolah. Oleh kerana guru pendidikan khas merupakan individu terdekat yang memahami keperluan murid, guru besar perlu menjelaskan dengan berkesan kepada mereka bagaimana mereka boleh mengurus kemudahan untuk murid dengan lebih cekap:

Saya rasa saya perlu ada keupayaan menyampaikan idea dengan jelas. Pengurusan kemudahan sekolah bukanlah suatu tugas yang biasa untuk guru kerana tugas hakiki guru adalah mengajar. Jadi guru yang terlibat dengan jawatankuasa aset sekolah kadang kala kurang faham apa peranan mereka untuk bantu guru besar mengurus aset sekolah lebih-lebih lagi untuk murid pendidikan khas. Bermaksud, sebagai pemimpin apa yang kita nak, kita perlu sampaikan secara terus dan jelas kepada guru sama ada dalam bentuk tulisan ataupun lisan (Peserta Kajian 5).

Kemahiran Mencari Maklumat. Berdasarkan temu bual juga, guru besar yang ditemu bual turut menjelaskan berkaitan dengan kemahiran mencari maklumat. Hal ini kerana walaupun sekolah mempunyai guru penolong kanan pendidikan khas, namun guru besar perlu mempunyai kemahiran mencari maklumat berkaitan persekitaran sekolah yang mesra untuk murid pendidikan khas:

Untuk pendidikan khas, guru besar kena fikir jauh sikit lah sebab keperluan pendidikan khas tak sama dengan aliran perdana. Guru besar kena tambah kemahiran mencari maklumat. walau kelas pendidikan khas memang dah ada guru penolong kanan atau penyelaras, tetapi saya sendiri perlu tahu keperluan persekitaran dan kemudahan untuk murid pendidikan khas (Peserta Kajian 4).

Kemahiran Berfikir Kritis. Guru besar turut memberitahu bahawa seseorang guru besar perlu mempunyai kemahiran berfikir secara kritis. Hal ini terutamanya berkaitan dengan pengurusan sumber kewangan bagi kegunaan murid pendidikan khas. Oleh kerana sumber kewangan kadangkala tidak mencukupi, guru besar perlu berfikir secara kritis tentang bagaimana mendapatkan sumber kewangan selain daripada yang diberikan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Hal ini dijelaskan oleh peserta kajian 5:

Bagi saya, elemen lain yang guru besar ada adalah kemahiran berfikir secara kritis untuk merancang terutamanya dalam penggunaan kewangan bagi pemerolehan aset atau harta sekolah (Peserta Kajian 5).

Ringkasan penemuan untuk bahagian ini adalah seperti berikut.

1. Domain 1: Mengurus persekitaran dan kemudahan fizikal
 - a. Membuat perancang
 - i. Merancang sebelum sesi persekolahan (PK1)
 - ii. Merancang kerana kami perlu ada perancangan strategik (PK3)
 - iii. Merancang apa keperluan yang diperlukan oleh guru dan murid PPKI (PK4)
 - b. Berkongsi tugas
 - i. Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas tahu apa yang diperlukan oleh murid mereka (PK2)
 - ii. Mereka berbincang membuat pembelian yang mereka rasa perlu (PK1)
 - c. Membuat pemantauan
 - i. Saya singgah tengok kemudahan cukup atau tidak (PK4)
 - ii. Saya berjalan sekeliling PPKI untuk melihat keselamatan kelas (PK2)

2. Domain 2: Cabaran mengurus persekitaran dan kemudahan fizikal untuk PPKI
 - a. Peruntukan kewangan
 - i. Kita tidak dapat peruntukan untuk *renovate* kelas (PK1)
 - ii. Sekolah tak ada peruntukan untuk naik taraf kelas (PK4)
 - b. Pelajar inklusif
 - i. Sekolah kami ada pelajar inklusif, bahan pengajaran yang sesuai untuk mereka kurang (PK3).
 - ii. Kami tiada alat seperti bahan ict di dalam kelas perdana (PK 1).
3. Domain 3: Elemen amalan pengurusan yang diperlukan
 - a. Keupayaan menyampaikan idea
 - i. Apa yang kita nak, kita perlu sampaikan secara terus dan jelas kepada guru sama ada dalam bentuk tulisan ataupun lisan (PK 5).
 - b. Kemahiran mencari maklumat
 - i. Guru besar kena tambah kemahiran mencari maklumat (PK4)
 - c. Kemahiran berfikir kritis
 - i. Guru besar perlu berfikir secara kritis tentang bagaimana mendapatkan sumber kewangan (PK5)

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan guru besar sedar kepentingan pengurusan persekitaran sekolah yang mesra murid PPKI. Tema utama yang diperoleh adalah merancang, berkongsi tugas dan membuat pemantauan. Dari sudut perancangan, guru besar menekankan strategi dan hala tuju yang jelas sebelum memulakan sesi persekolahan. Hal ini selaras dengan pandangan Ahmad (2021), bahawa perancangan strategik merupakan asas pengurusan berkesan dalam pendidikan. Selain itu, guru besar turut berkongsi tugas bersama Guru Penolong Kanan Pendidikan Khas untuk mengurus keperluan PPKI. Delegasi tugas ini penting kerana membolehkan kepakaran guru khas dimanfaatkan (Ayibah & Andari, 2022). Guru besar juga membuat pemantauan terhadap kelas PPKI bagi memastikan keselamatan dan kesesuaian kemudahan, walaupun secara tidak berkala. Pemantauan berterusan dianggap penting bagi menilai keberkesanan pelaksanaan (Rumia Rosmery Simorangkir, 2021).

Cabaran utama yang dikenal pasti adalah peruntukan kewangan serta pengurusan murid inklusif. Kekangan kewangan menyebabkan guru besar sukar menyediakan ruang pembelajaran yang sesuai, termasuk keperluan menaik taraf bilik darjah. Situasi ini konsisten dengan dapatan Faragher et al., (2021) yang menegaskan sekolah berdepan cabaran sumber terhad dalam pengurusan infrastruktur pendidikan khas. Bagi murid inklusif pula, cabaran berkaitan kekurangan bahan sokongan pembelajaran menjejaskan keberkesanan pengajaran. Sumber pengajaran terkini dan mencukupi sangat penting bagi memastikan keberhasilan pendidikan inklusif.

Selain itu, elemen pengurusan yang diperlukan guru besar termasuk keupayaan menyampaikan idea, mencari maklumat, dan berfikir kritis. Kemahiran komunikasi penting untuk memastikan visi pengurusan difahami warga sekolah (Novak & Paroff, 2024). Keupayaan guru besar mencari maklumat pula membolehkan guru besar memahami keperluan unik murid PPKI. Sementara itu, pemikiran kritis amat diperlukan dalam membuat keputusan melibatkan pengurusan kewangan dan aset sekolah (Fernández et al., 2023). Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengurusan sekolah yang mempunyai PPKI memerlukan perancangan rapi, pemantauan berterusan, serta sokongan sumber yang mencukupi. Guru besar sebagai peneraju memainkan peranan utama dalam memastikan pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal yang kondusif untuk murid berkeperluan khas.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini dapat menjelaskan bahawa guru besar memainkan peranan penting dalam mengurus persekitaran dan kemudahan fizikal sekolah bagi menyokong pembelajaran murid PPKI melalui perancangan strategik, kolaborasi bersama warga sekolah serta pelaksanaan pemantauan yang berterusan. Keberkesanan amalan ini diperkukuh dengan kemahiran kepimpinan seperti komunikasi yang jelas, kebolehan memperoleh maklumat relevan serta keupayaan berfikir secara kritis, sekali gus memastikan keperluan murid berkeperluan khas dapat dipenuhi dengan lebih berkesan. Implikasi dapatan ini menunjukkan bahawa pengurusan fasiliti yang teratur bukan sahaja meningkatkan keberhasilan proses pengajaran dan pembelajaran, malah turut menyumbang kepada pembentukan persekitaran sekolah yang inklusif, kondusif dan menyokong pembangunan holistik murid. Sehubungan itu, dicadangkan agar pembuat dasar terus memperkukuh latihan kepimpinan guru besar serta menyediakan panduan praktikal yang menyeluruh bagi mengoptimumkan pengurusan persekitaran dan kemudahan fizikal di sekolah.

RUJUKAN

- Albion, P. R. (2021). *Integrating technologies to support inclusive education in schools: Examples from Australia*. Education and Information Technologies.
- Atkin, B., & Brooks, A. (2000). *Total facilities management*. Blackwell Science.
- Ayibah, G., & Andari, S. (2022). Manajemen sarana dan prasarana sekolah inklusi di sekolah dasar Negeri Gayungan Ii/423 Surabaya. *Jurnal Inspirasi Manajemen Pendidikan*, 10(3), 566–574.
- Barrett, P. (2004). *Facilities management: Towards best practice*. Blackwell Science.
- Becker, F. (1990). *The total workplace*. Van Nostrand Reinhold.
- Buku Panduan Pengoperasian Program Pendidikan Khas Integrasi. (2015). *Bahagian Pendidikan Khas*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Faragher, R., Chen, M., Miranda, L., Poon, K., Chang, F.-R., & Chen, H. (2021). Inclusive education in Asia: Insights from some country case studies. *Journal of Policy and Practice in Intellectual Disabilities*, 18(1), 23–35. <https://doi.org/10.1111/jppi.12369>
- Fernández, B. B., León Guerrero, M. J., Fernández-Martín, F. D., Arco Tirado, J. L., & Arrebola, R. M. (2023). What do school management teams do to make their schools inclusive? *School Leadership and Management*, 43(1), 50–69. <https://doi.org/10.1080/13632434.2022.2144201>
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). *Standard kompetensi kepengetuaan sekolah Malaysia*. Institut Aminuddin Baki.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2016). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Merriam, S. B. (2006). *Qualitative research and case study applications in education: Revised and expanded from case study research in education*. Jossey-Bass.
- Mihat, N., Mohd Hanafi Mohd Yasin, & Mohd Mokhtar Tahar. 2019. *Teachers' views on classroom infrastructure facilities in special education integration program in primary school*. *Journal of ICSAR*, 3(3), 54-57.
- Norazman, N., Che Ani, A. I., Ismail, W. N. W., Hussain, A. H., & Abdul Maulud, K. N. (2021). Indoor environmental quality towards classrooms' comforts level: Case study at Malaysian secondary school building. *Applied Science*, 11, 5866.
- Novak, K., & Paroff, H. (2024). Leading inclusion. *Phi Delta Kappan*, 105(7), 14–19. <https://doi.org/10.1177/00317217241244900>
- Ozkan, E., & Kilinc, E. (2021). *Sustainable facilities management in educational buildings: A conceptual model proposal*. Sustainability.
- Rumia Rosmery Simorangkir, M. (2021). Conditions of facilities and infrastructure for inclusive school education services. *International Journal of Elementary Education*, 10(2), 38. <https://doi.org/10.11648/j.ijeedu.20211002.12>

- Siti Muhibah, H. N., & Zetty N. R. (2018). Peranan dan cabaran guru-guru pendidikan khas membentuk kemenjadian murid-murid masalah pendengaran dalam abad ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, 1(1), 1–8.
- Shewhart, W. A. (1931). *Economic control of quality of manufactured product*. Van Nostrand.
- Shera Binti Jouflin, & Yasin, M. H. bin. (2022). Persekitaran fizikal pembelajaran dan indeks keselesaan guru program pendidikan khas integrasi daerah Kota Kinabalu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 59–72. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1236>